

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 MAC 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

## Malaysia tidak berdepan kegawatan

IMF, Bank Dunia unjur kadar pertumbuhan ekonomi negara 4 hingga 4.4 peratus

# Malaysia tidak berdepan kegawatan

### DEWAN RAKYAT

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan yakin negara tidak akan mengalami kegawatan ekonomi pada tahun ini seperti yang diramalkan berlaku di kebanyakan negara sebelum ini.

Keyakinan itu disuarakan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan berdasarkan ramalan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia yang mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi negara antara 4 hingga 4.4 peratus.

Jelas beliau, berdasarkan keadaan ekonomi semasa negara, ia dijangka berkembang sehingga 4.5 peratus.

"Berdasarkan statistik ini, meskipun berdepan dengan cabaran ketidaktentuan global, saya ingin menegaskan bahawa Malaysia tidak akan mengalami



**PERTUMBUHAN** ekonomi negara yang diramal stabil pada tahun ini membolehkan Malaysia terlepas daripada kegawatan. – GAMBAR HIASAN

kegawatan ekonomi pada 2023.

"Hal ini berdasarkan takrifan kegawatan atau kemelesetan ekonomi secara teknikal adalah apabila sesebuah negara mengalami penguncupan ekonomi iaitu pertumbuhan negatif suku tahunan sebanyak dua kali berturut-turut," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk Idris Ahmad (PN-Bagan Serai) mengenai pelan kerajaan dalam menghadapi kegawatan ekonomi yang dijangka berlaku pada tahun ini.

Pada masa sama, Ahli Parlimen Pontian itu turut menegaskan, kerajaan akan menumpukan pertumbuhan ekonomi negara yang saksama untuk rakyat.

"Selain itu, kerajaan juga akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang lebih menarik.

"Ia dilakukan dengan mudah cara proses pelaburan termasuk mewujudkan lebih banyak syarikat pemula berinovasi tinggi, selain mencipta peluang pekerjaan dengan pendapatan setimpal,"ujarnya.